

JURNAL ANTARABANGSA PENGAJIAN KEPULAUAN MELAYU JIL. 5 BIL. 02 (2025)
INTERNATIONAL JOURNAL OF MELAYU ARCHIPELAGO STUDIES



**USNO DAN BERJAYA DALAM PENSEJARAHAN POLITIK SABAH, 1976-1985:
SIMBIOSISME DAN DIKOTOMINISME**

Narsyatika Adira Puddin¹
Lulusan Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia)
Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Makalah ini mempunyai tiga tujuan penting (setiap satunya bersulaman dan berserampang dua mata): (i)memperluas tema politik simbiosisme dan dikotominisme dalam konteks persaingan politik kepartian (menerusi perbincangan ini, kita menujahkan keterlibatan USNO dan BERJAYA di Sabah sebagai rujukan); (ii)mengangkat tema pempolitan agama (Islam) dalam proses politik dan dakwah Islamiah di Sabah secara kolaboratif (ini diwakili peranan kepolitikan di sebalik kegiatan dakwah USIA-USNO dan MUIS-BERJAYA) dan (iii)menyerantakan pelbagai idea kritis dan konstruktif, selain mengemukakan mancabahan penting (literatur kesarjanaan) yang berpintal dengan matan topik ini (menarik dan mencabar) – pempolitan agama dalam politik kepartian – lantas memperlihatkan tahap kesukaran yang sangat tinggi dalam proses pensejarahan ilmiah; namun pengorbanan perit ini tidaklah dihargai selayaknya dalam ranah pengajian tinggi negara. Perlu diingatkan, pengabaian tragedik ini (terhadap ilmu sejarah, karya sejarah dan pensejarahan) akan merosakkan jihad dan ijthid sejarawan di universiti. Hakikat ini membuktikan politiking (muslihat politik) bukan sekadar berlaku dengan

¹© Lulusan Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia), Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.

rencam (ada kalanya kejam) dalam politik kepartian, bahkan politiking turut mewabaki – merayap dengan taktik lihai dan licik – dalam institusi pengajian tinggi negara dewasa ini. Reformasi universiti harus digiatgigihkan semula dengan keazaman politik dan keberanian intelektual iaitu kembali kepada keluhuran falsafah, budaya dan tradisi murninya sebagai institusi ilmu tertinggi.

Kata Kunci: Sejarah, Politik, Islam, USNO, BERJAYA

Pengenalan

Sabah pernah menjadi pentas persaingan politik dan pempolitan Islam (USNO-BERJAYA) dalam tempoh genting antara 1976-1986. *United Sabah National Organisation Party* (USNO)² merupakan parti dominasi bumiputera Muslim yang sangat berpengaruh di Sabah pada era 1960-an, manakala Parti Bersatu Rakyat Jelata (BERJAYA)³ berjaya menumbangkan USNO pada 1976 dan seterusnya, BERJAYA pula ditumbangkan Parti Bersatu Sabah (PBS) pada 1985. Apakah ini karma politik atau patah tumbuh hilang berganti? Kedua-dua pemimpin tertinggi ini – Datu Mustapha Datu Harun (USNO) dan Harris Salleh (BERJAYA) – memainkan peranan

² *United Sabah National Organisation Party* atau lebih dikenali sebagai USNO, telah ditubuhkan ekoran kebimbangan Datu Mustapha dengan keadaan masyarakat bumiputera Muslim yang kepentingan mereka tidak terbela semasa era penjajahan. Malah, jauh ketinggalan berbanding kaum-kaum lain di Sabah apatah lagi di Tanah Melayu. Penubuhannya juga ekoran daripada pengumuman gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman. Kejayaan USNO sebahagian besarnya bergantung kepada kedinamikan Datu Mustapha dalam mengendalikannya. Oleh itu, membicarakan USNO tidak dapat tidak akan mengaitkan juga perbincangan tentang Datu Mustapha dan demikian pula sebaliknya. Bagaimanapun, untuk butiran umum, rujuk Sabihah Osman, “Perkembangan Politik Sabah”, dalam Hairi Abdullah (et al.), *Sabah: Perubahan dan Pembangunan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia & Yayasan Sabah, 1986, hlm. 90. Ho Hui Ling, “Peranan Gagasan Malaysia Dalam Perkembangan Parti Politik Di Sabah, 1961-1963: Satu Kajian Umum”, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2005, hlm. 21. Rostina Torimo, “Perkembangan Dan Persaingan Di Antara Parti-Parti Politik Dan Implikasinya Terhadap Sistem Pentadbiran Negeri Sabah: Kajian Kes 1960-1990”, Latihan Ilmiah, B.A., Bahagian Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1989/1999. Abdullah Hussain, *Tun Mustapha: Bapa Kemerdekaan Sabah*, Kuala Lumpur: MFI, 1976.

³ Parti Bersatu Rakyat Jelata atau BERJAYA, telah ditubuhkan pada 15 Julai 1975 di Hotel Borneo, dekat Tanjung Aru.

penting dalam proses yang bersejarah ini. Untuk memahami keunikan sejarah dan politik Sabah, pelbagai aspek harus dicerakini. Antaranya, (i)hubungan antara sejarah politik dan agama di Sabah pra-1976 (persaingan politik dan agama di Sabah sehingga 1963); (ii)peranan USNO dan BERJAYA dalam penyebaran Islam di Sabah (sekali gus memperkuat pengaruh politik masing-masing dalam kalangan bumiputera Muslim); (iii)pertembungan awal antara USNO dan BERJAYA dan akar-makar pempolitan Islam di negeri ini, malah peranan politik *United Sabah Islam Association* (USIA) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sebagai proksi politik USNO dan BERJAYA; dan kemuncaknya (iv)pempolitan Islam menerusi isu-isu pilihan raya DUN Sabah (1985) dan kesan pempolitan Islam pasca-1985, khasnya terhadap dasar dan sistem pentadbiran (ekonomi dan sosial) di negeri tersebut. Wacana panoramik ini diawali dengan sejarah dan kesejarahan.

Sejarah dan Kesejarahan

Setiap kajian sejarah bersifat kesejarahan dan mempunyai nilai kesejarahan. Sejarah persaingan politik antara USNO dan BERJAYA di Sabah merupakan antara topik yang mampu menarik perhatian ramai penyelidik, tetapi kajian mereka sebenarnya berbeza dari segi skop dan fokus masing-masing. Dalam konteks korpus kajian terdahulu (sehingga kini), antara aspek – persaingan politik antara USNO dan BERJAYA – berkisar pada persoalan polikromatik: bagaimana Islam dipolitikkan dan apakah kepentingan di sebaliknya? Mengapakah agama ini dipolitikkan? Malah, agama dijadikan sebagai katalis persaingan politik tersebut. Oleh itu, persoalan ini memerlukan kajian yang lebih mendalam kerana kebanyakan sumber autoritatif tidak menjelaskan keperihalan pempolitan agama yang membabitkan USNO dan BERJAYA. Melda Binti Salbat⁴ turut teruja mencerakannya, namun fokusnya terhad di daerah Lahad Datu, 1979-1984. Betapapun demikian, prakarsa ilmiah ini selayaknya dihargai dalam wacana kesejarahan.

⁴ Melda Salbat, “Perkembangan Dakwah Islamiah Di Daerah Lahad Datu Dari Tahun 1979-1984: Persaingan Di Antara BERJAYA, USNO Dan Kegiatan Pelbagai Pihak Lain”, Latihan Ilmiah, B.A., Program Sejarah, Sekolah Sains Sosial, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2003.

Bagi melihat hubungan simbiosisme⁵ (rencam dan ruwet) akibat persaingan tersebut, perlu disedari, persaingan ini turut mengesani rentak perkembangan Islam (hubungan keagamaan) dan politik (hubungan kepartian) di Sabah; pempolitan Islam turut mengundang keresahan parti-parti politik lain yang seangkatan dengan USNO dan BERJAYA dewasa itu. Persoalan makroskoptik inilah yang seharusnya digarap dan digilap dalam pensejarahan politik Sabah.

Sehubungan itu, dalam mewacana isu kritikal ini (serta sensitif dari perspektif integrasi kaum dan agama), pempolitan Islam antara USNO dan BERJAYA, khasnya dalam ranah persaingan politik yang sangat sengit antara kedua-dua parti ini, harus diperhatikan, USNO dan BERJAYA turut sama memainkan peranan yang sangat vitalistik terhadap perkembangan dakwah Islam di negeri itu sendiri. Semakin hebat sumbangannya, semakin panas persaingannya. Ini merupakan suatu enigma sekali gus rahmah dalam konteks pempolitan Islam dan persaingan politik sesama Muslim di Sabah. Kedua-dua parti ini sangat memahami batasan dalam propaganda politik masing-masing agar rusuhan politik mahupun agama tidak tercetus di Sabah (sebagai perbandingan, pempolitikan Islam dalam politik kepartian di Semenanjung Malaysia kelihatan lebih rumit dan rakus berbanding di Sabah).

Bagaimanapun, proses Islamisasi di Sabah tidaklah semudah yang disangkakan. Di sebalik persaingan antara institusi-institusi dakwah Islam ini, terpintal bersamanya, peranan vitalistik USNO dan BERJAYA pada era pemerintahan masing-masing (USNO 1963-1976) dan (BERJAYA 1976-1984). Proses dan persoalan ini perlu diberikan penujahan setuntasnya kerana membabitkan pertembungan dakwah antara USIA (proksi politik USNO) dan MUIS (proksi politik BERJAYA) sehinggalah ke titik puncaknya – pempolitan Islam antara USNO dan BERJAYA – dalam pilihan raya DUN Sabah (1985).

⁵ Simbiosis berasal daripada bahasa Yunani, iaitu “sym” yang bererti “dengan” dan “biosis” ialah “kehidupan”. Lantaran itu, simbiosis merupakan interaksi antara dua organisma yang hidup berdampingan. Simbiosis terbahagi kepada empat iaitu simbiosis parasitisme, mutualisme, komensalisme dan amensalisme. Dalam konteks ayat di atas, simbiosis merujuk kepada hubungan saling berkait antara USNO dan BERJAYA, bersabit pempolitan Islam. Untuk gambaran lanjut mengenainya, sila rujuk Ball Alan, *Modern Politics And Government*, London: English Language Society, 1983. R. Brissenden, *Modern Asia: Problem and Politics*, Brisbane: The Jacaranda Press, 1974. Charles H. Cooley, *Social Organization*, New York: Scribers Sons, 1909.

Dalam konteks ini, kesan pertembungan politik dan dakwah ini tidak wajar dikesampingkan dalam wacana kesejarahan Sabah. Ia merupakan satu lagi dimensi kritikal dalam proses politik yang sangat menarik di negeri berkenaan. Hasilnya, biarpun kedua-dua parti ini mansang lemah akibat persaingan politik yang amat getir dan sengit sesama sendiri (demi merebut sokongan politik bumiputera Muslim), tetapi gerakan dan kemajuan dakwah Islam di Sabah tidak pula terbantut. Mengapa? Penjelasan kefalsafahannya terpateri dalam pepatah Melayu – air dicincang tidak akan putus.

Pempolitikan Agama: Istilah dan Masalah

Dalam memprihatini persoalan ini, apakah makna dan bagaimanakah istilah “pempolitikan” difahami? Pempolitikan agama ialah suatu istilah yang diguna pakai khususnya dalam bidang politik. Istilah ini membawa maksud menggunakan agama dalam berpolitik. Malah, memanipulasikan agama serta mengeksploitasikannya dalam politik demi kepentingan politikus⁶ dan politiking (muslihat politik) kepartian. Justeru, agama dijadikan sebagai alat dalam memenuhi kepentingan politik. Dengan ini, pempolitikan Islam berlaku dalam tiga situasi kontekstual:

Pertama, pempolitikan membawa konotasi baksis (keuntungan) politik. Aspek ini dapat dilihat berdasarkan kegiatan dakwah USIA. Kegiatan ini dapat memperluas dan memperkukuh sokongan bumiputera Muslim, termasuklah saudara-saudara baru, terhadap USNO kerana USIA

⁶ Merujuk kepada ahli politik. Istilah ini diiktiraf *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 1223. Penulis tidak lagi menggunakan perkataan lapuk seperti “ahli politik” kerana istilah “politikus” merupakan istilah mutakhir dalam perkembangan dinamik bahasa Melayu. Begitu juga dengan istilah “pempolitikan”. Tidaklah benar apabila dikatakan istilah ini salah dari segi nahu, apatah lagi dikatakan tidak boleh berdiri sendiri malah didakwa tidak akademik. Istilah “pempolitikan” turut diiktiraf *Kamus Dewan* (lihat *ibid.*). Menerusi kajian ini, penulis memperjelas penggunaan istilah “pempolitikan” supaya menepati konteks dan kerangka kajian ini. Kedua-dua istilah ini bukanlah ciptaan penulis. Apabila penulis menggunakan istilah ciptaan sendiri, penulis akan mencondongkan istilah tersebut. Penggunaan istilah ciptaan sendiri juga tidak bercanggah dengan linguistik, bahkan mampu memperkaya khazanah perbendaharaan bahasa. Usaha ini dinamakan sebagai “neologisme”. Lihat *ibid.*, hlm. 1076. Perlu ditegaskan, kesemua istilah ini terpateri dalam *Kamus Dewan* dan menepati *Tatabahasa Dewan*. Lihat Nik Safiah Karim (et al.), *Tatabahasa Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997.

merupakan proksi politik kepada USNO. Begitu juga dengan situasi simbiosisme antara MUIS dengan BERJAYA sekali gus membabitkan dikotominisme antara USNO-USIA dan BERJAYA-MUIS.

Kedua, fitnah politik. Tindakan BERJAYA memburuk-burukkan kegiatan dakwah USIA (mahupun sebaliknya), dengan sendirinya bertujuan menyerang – melemahkan dan menggugat pengaruh politik – USNO. Sebagai tindak balasnya, USNO bertindak dengan mempertahankan kepentingan politiknya. Dalam konteks ini, USNO juga mempolitikkan Islam kerana USNO menggunakan isu-isu keislaman untuk membidas semula serangan BERJAYA.

Ketiga, pempolitikan Islam merujuk kepada tindakan USNO dan BERJAYA yang mempolitikkan isu mengenai hak dan kepentingan bumiputera Muslim di Sabah, demi kelangsungan politik kedua-dua parti berkenaan. Tindakan ini bersifat sbergaji bermata dua. Medan utamanya, pilihan raya DUN Sabah (1985).

Politik ialah alat, bukannya matlamat. Terdapat dimensi makruf (sisi manusiawi) dan mungkar (sisi syaitani). Selain berperanan sebagai wadah perjuangan, politik merupakan katalis pembangunan dan peranti kemajuan duniawi. Sementara itu, esensi politik sebagai strategi kepolitikan bermakna politik dipertanggungjawab (secara nyata atau halus) demi kepentingan parti politik dan politikus. Malah, istilah ini (pempolitikan) turut berkonotasi politiking (muslihat politik) yang menjadi senjata kekuasaan bagi politikus berkuasa (di pihak kerajaan atau pembangkang) dan pihak penguasa.⁷

⁷ Kekuasaan politik merujuk kepada perhubungan manusia dalam bentuk hubungan superordinasi dan subordinasi iaitu penguasaan terhadap yang memerintah ke atas yang diperintah. Dengan adanya kekuasaan politik ini, mana-mana golongan dapat menerapkan ideologi sesebuah parti, sokongan elit atau kelas tertentu. Demi ideologi, setiap parti politik berusaha untuk memastikan mereka kekal berkuasa. Rujukan lanjut, lihat Russli Kamarudin, “Realisme, Niccolo Machiavelli dan Al-Ghazali: Suatu Perbandingan”, dalam Ghazali Mayudin (ting.), *Politik Malaysia: Perspektif Teori Dan Praktik*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 133-139. Ismail Yusoff, *Politik Dan Agama Di Sabah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, Bab pengenalan. Mohd Izani Mohd Zain, *Islam Dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kotemporari Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005. Hashim Makaruddin (ed.), *Politik, Demokrasi dan Asia Baru*, Mokhtar Ahmad (terj.), Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd., 2003.

Dalam konteks dikotominisme politik di Sabah, USNO dan BERJAYA⁸ merupakan dwiparti politik yang didokongi oleh bumiputera Sabah. Kedua-duanya mempunyai penonjolan pengaruh Islam kerana dipimpin oleh pemimpin Muslim iaitu Datu Mustapha Datu Harun dan Harris Salleh. Kedua-duanya bersaing sengit untuk merebut sokongan politik bumiputera Muslim dan justeru kerana itu, Islam turut dipolitikkan dalam konteks politik kepartian di Sabah. Dalam perkembangan berkaitan, untuk menegakkan kepentingan parti dan mendapatkan pengaruh (kuasa), USNO dan BERJAYA berentap sesama sendiri dalam tempoh 1976 sehingga 1985. Hasil penelusuran ini mendapati pelbagai cara dan usaha telah dilakukan bagi menonjolkan egoisme kepartian mereka sebagai “pemenang” dalam persaingan tersebut (*perhatian*: egoisme ini turut menjalar dan menyayap di universiti, dengan lebih licik dan lihai). Demi kelangsungan kuasa politik, mereka menggunakan agama sebagai alat propaganda dalam pertembungan politik dan perebutan kuasa, seperti dititipkan menerusi wacana pensejarahan dan karya sejarah.

Pensejarahan dan Karya Sejarah

Sejujurnya, kajian mengenai persaingan parti politik di Sabah semakin diberikan perhatian mangkus dewasa ini, termasuklah persaingan yang melibatkan agama (Islam), di samping penyisipannya mahupun ketegaran pengaruhnya dalam pergolakan antara parti-parti politik di Sabah, seperti disengol berikutnya.

Dalam konteks pensejarahan politik Malaysia, kajian tentang pempolitan agama bukanlah suatu persoalan ilmiah yang baharu. Aspek ini pernah disentuh (sekadar menyebut beberapa contoh) menerusi kajian yang dilakukan oleh K.J. Ratnam dalam bukunya, *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*.⁹ Bagaimanapun, skop kajian ini hanya berfokus kepada pempolitan agama di Tanah Melayu sahaja. Sungguhpun demikian, kajian ini dapat

⁸ Parti Bersatu Rakyat Jelata atau BERJAYA, telah ditubuhkan pada 15 Julai 1975 di Hotel Borneo, dekat Tanjung Aru. Perbincangan lanjut mengenai parti ini akan disentuh dalam bab seterusnya.

⁹ Lihat K.J. Ratnam, *Paham Perkauman Dan Proses Politik Di Malaya*, Kassim Ahmad (terj.), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1965.

memberikan petunjuk bagaimana agama dipolitikkan, khasnya dalam pilihan raya 1976, 1981 dan 1985 di peringkat DUN Sabah.

Seterusnya, Mohd Izani Mohd. Zain menerusi bukunya, *Islam Dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kotemporari Di Malaysia*,¹⁰ membincangkan tentang bagaimana gerakan Islam yang kemudiannya menjadi parti politik, menyertai proses demokrasi melalui pilihan raya untuk bersaing secara terbuka, termasuklah mencabar penguasaan parti politik yang mendokong kerajaan Perikatan (Barisan Nasional).¹¹ Dengan mengambil contoh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Mohd Izani menggarap peranan, sumbangan malah halangan yang dihadapi oleh PAS dalam mencapai matlamat politik mereka. Walaupun beliau tidak membincangkan persaingan politik antara USNO dan BERJAYA, namun buku ini dapat memberikan lakaran bagaimana Islam dipolitikkan di pentas politik nasional. Situasi ini menyerupai pempolitan agama oleh USNO dan BERJAYA.

¹⁰ Lihat Mohd Izani Mohd Zain, *Islam Dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kotemporari Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

¹¹ Barisan Nasional (BN) ialah gabungan parti politik dominasi di Malaysia semenjak pilihan raya umum tahun 1974. BN didaftarkan sebagai parti politik dalam bulan Jun 1974. Kelahiran BN adalah sebagai pengganti kepada Parti Perikatan. BN meneruskan pemerintahannya tanpa diganggu (termasuk era Perikatan) sejak kemerdekaan. Ibu pejabat parti gabungan ini terletak di Kuala Lumpur. BN sering mengungguli jumlah kerusi setiap kali pilihan raya diadakan di Malaysia. Istilah Barisan Nasional telah diperkenalkan secara rasmi buat pertama kalinya oleh Tun Abdul Razak dalam ucapan beliau sempena menyambut Hari Kebangsaan pada tahun 1972. Sebagai sebuah parti politik, BN merupakan kesinambungan daripada Parti Perikatan bagi menghadapi pilihan raya persekutuan yang pertama pada tahun 1955. Parti komponen Perikatan pada ketika itu ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaysia (MCA) dan Kongres India Malaysia (MIC). BN diperkenalkan sebagai satu strategi politik untuk mengelakkan daripada berulangnya Peristiwa 13 Mei yang tercetus selepas pilihan raya umum 1969. Tun Abdul Razak dikatakan sebagai penggerak utama kepada strategi tersebut. Matlamat politik jangka panjang BN ialah pertama, mengekalkan dan meluaskan prinsip persepahaman dan tolak ansur antara parti seperti yang terdapat dalam Perikatan, terutamanya tiga parti utamanya (yang mewakili tiga bangsa dan agama yang berlainan), iaitu UMNO, MCA dan MIC. Kedua, bagi mengurangkan persaingan politik yang merugikan. Sebaliknya, BN bertujuan menyatukan tenaga berdasarkan prinsip permuafakatan serta kepentingan bersama demi pembangunan nasional. Untuk keterangan lanjut mengenainya, lihat *New Straits Times*, 4 Oktober 2005. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 1 (A-E), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 416-419.

Perbincangan tentang USNO dan BERJAYA pernah dilakukan oleh Hamdan Abdul Aziz¹² melalui kajiannya, “Parti Politik USNO Dan BERJAYA Di Sabah, 1961-1996”. Beliau mengupas sejarah dan perkembangan kedua-dua parti. Begitu juga dengan konflik antara kedua-duanya dalam mempertahankan kelangsungan kuasa politik mereka di Sabah. Namun, Hamdan mengesampingkan isu pempolitan Islam antara kedua-dua parti tersebut. Malah, beliau tidak pula menyentuh peranan USIA dan MUIS dalam kerangka keterlibatan dan persaingan politik antara USNO dan BERJAYA.

Selain itu, Siti Noorhapsah Mussa¹³ menjelaskan tema mengenai pertembungan antara Islam dan Kristian di Sabah. Beliau memfokuskan kajiannya terhadap tiga parti politik iaitu USNO, BERJAYA dan Parti Bersatu Sabah (PBS). Kajiannya lebih menekankan konflik dan persaingan antara Islam (USNO dan BERJAYA) dengan Kristian (PBS). Perlu ditegaskan, ini merupakan aksiom politik di Sabah, khasnya apabila dilihat dari perspektif sejarah dan politik kontemporari. Namun, beliau tidak menyentuh persaingan politik antara USNO dan BERJAYA, bahkan mengabaikan peranan USIA dan MUIS yang menyemarakkan persaingan politik antara USNO dan BERJAYA.

Eduardo Marusin dalam kajiannya, “Politik Sabah, 1967-1994: Satu Kajian Perbandingan USNO-SCA, BERJAYA Dan PBS”,¹⁴ memerihalkan perkembangan parti-parti politik yang muncul dalam tempoh 1967-1994. Dalam wacana tersebut, beliau menghuraikan kedudukan agama Islam semasa berada di bawah parti-parti politik tertentu, khasnya USNO dan BERJAYA. Walaupun Eduardo berusaha memperlihatkan persaingan antara kedua-dua parti dalam merebut kuasa pemerintahan, namun beliau tidak memperjelas peranan USIA dan MUIS yang dipolitikkan dalam percakaran politik tersebut.

¹² Lihat Hamdan Abdul Aziz, “Parti Politik USNO Dan BERJAYA Di Sabah, 1961-1996”, Tesis, M.A., Program Sejarah, Sekolah Sains Sosial, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 1996.

¹³ Lihat Siti Noorhapsah Mussa, “Persaingan Agama Islam Dan Kristian Dalam Politik Sabah, 1960-1994”, Latihan Ilmiah, B.A., Program Sejarah, Sekolah Sains Sosial, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2007.

¹⁴ Lihat Eduardo Marusin, “Politik Sabah, 1967-1994: Satu Kajian Perbandingan USNO-SCA, BERJAYA Dan PBS”, Tesis, M.A., Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007.

“USNO: Penubuhan Dan Peranannya Dalam Politik Sabah (1967-1976)”, merupakan kajian yang diusahakan oleh Ruji Ubi.¹⁵ Kajiannya ini memfokuskan perbincangan tentang USNO, sejak mendapat mandat pemerintahan daripada rakyat Sabah pada 1967. Peranan USNO dalam perkembangan dan kemajuan Sabah turut dilakarkan. Begitu juga dengan pemantapan dakwah agama Islam di Sabah, namun persaingan USNO dengan BERJAYA serta pempolitan Islam menerusi USIA dan MUIS, kurang diserlahkan.

Ismail Yusoff dalam bukunya, *Politik Dan Agama Di Sabah*,¹⁶ menganalisis isu pempolitan agama Islam dan Kristian. Akan tetapi, Ismail Yusoff tidak menujahkan fokusnya tentang pempolitan Islam antara USNO dan BERJAYA. Malah, Ismail tidak memperdalam peranan Datu Mustapha Datu Harun dan Harris Salleh dalam pempolitan Islam, bermotifkan kepentingan politik masing-masing.

Sementara itu, Jenar Lamdah menerusi bukunya, *Datuk Harris Mohd Salleh Dengan Politik Sabah*,¹⁷ secara keseluruhannya mengupas kredibiliti Harris Salleh dalam arena politik di Sabah sekitar 1963-1979. Namun begitu, beliau tidak menyentuh tentang gerakan dakwah Islam yang pernah diterajui oleh Harris, tetapi lebih kepada peranannya sebagai pemimpin BERJAYA dalam membangunkan ekonomi Sabah.

Kajian Mariam Haji Sahat mempunyai kelainan tersendiri. Menerusi bukunya, *United Sabah Islamic Association (USIA): Struktur Organisasi, Pentadbiran Dan Perangkaannya Dalam Perkembangan Islam Di Sabah*,¹⁸ beliau memfokuskan perbincangan tentang struktur

¹⁵ Lihat Ruji Ubi, “USNO: Penubuhan Dan Peranannya Dalam Politik Sabah (1967-1976)”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1994/1995.

¹⁶ Lihat nota kaki 1.

¹⁷ Jenar Lamdah, *Datuk Harris Mohd Salleh Dengan Politik Sabah*, Kuala Lumpur: Affa Sdn. Bhd., 1981.

¹⁸ Mariam Haji Sahat, *United Sabah Islamic Association (USIA): Struktur Organisasi, Pentadbiran Dan Perangkaannya Dalam Perkembangan Islam Di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

pentadbiran agama Islam dalam tempoh 1970-1983. Sungguhpun demikian, beliau tidak menyentuh tentang persaingan politik antara USNO dan BERJAYA, tetapi lebih kepada peranan dan sumbangan USIA dalam menyemarakkan dan melestarikan dakwah Islam, sekitar 1979-1984.

Menerusi tulisannya, *Islam Di Sabah*,¹⁹ Muhiddin Yusin memerihalkan perkembangan Islam serta penglibatan USIA dalam kegiatan dakwah Islam di Sabah. Selain itu, beliau memuatkan penganalisisan terhadap masalah-masalah yang timbul dalam kegiatan dakwah USIA. Namun, beliau tidak pula membincangkan peranan USIA dan MUIS sebagai agen persaingan politik antara USNO dan BERJAYA, walhal dalam konteks persaingan politik antara USNO dan BERJAYA (pempolitan agama), USIA dan MUIS memainkan peranan vitalistik.

Zakiah Haji Ahmad dalam tulisannya, “Sejarah Perkembangan Dakwah Islam Di Sabah”,²⁰ menjelaskan perubahan politik dan kesannya terhadap dakwah Islam di Sabah, yakni konflik politik antara USNO dan BERJAYA, di samping perkembangan dakwah kedua-dua parti politik ini. Bagaimanapun, Zakiah lebih menekankan perbincangan tentang kegiatan dakwah Islam pada era USNO berbanding BERJAYA. Kendatipun kajian Zakiah turut menyentuh tentang persaingan politik antara USNO dan BERJAYA, tetapi perhatiannya masih terhad kerana tidak mencungkil persoalan pempolitan Islam dalam mandala politik kepartian di negeri itu.

Menerusi satu lagi kajian iaitu “Perkembangan Dakwah Islamiah Di Daerah Lahad Datu Dari Tahun 1979-1984: Persaingan Antara USNO, BERJAYA Dan Kegiatan Pelbagai Pihak Lain”,²¹ Melda Salbat cuba menonjolkan persaingan antara USIA dan MUIS sekali gus menimbulkan implikasi terhadap gerakan dakwah Islam di daerah tersebut. Sungguhpun

¹⁹ Muhiddin Yusin, *Islam Di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

²⁰ Zakiah Haji Ahmad, “Sejarah Perkembangan Dakwah Islam Di Sabah”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991.

²¹ Melda Salbat, “Perkembangan Dakwah Islamiah Di Daerah Lahad Datu Dari Tahun 1979-1984: Persaingan Antara USNO, BERJAYA Dan Kegiatan Pelbagai Pihak Lain”.

demikian, Melda tidak menyentuh tentang bagaimana USIA (proksi USNO) dan MUIS (proksi BERJAYA) diheret ke kancah persaingan politik kepartian.²²

Adunan idea Hairi Abdullah, Abdul Samad Hadi dan Zulkifly Haji Mustapha dalam buku bertajuk, *Sabah: Perubahan Dalam Pembangunan*,²³ jelas mengabaikan sumbangan Datu Mustapha dalam arena politik Sabah, malah menusukkan propaganda sinis anti-Datu Mustapha. Apakah buktinya? Perhatikan petikan berikut: Para penulis begitu mempertikaikan kelemahan Datu Mustapha dengan mendakwa: “[T]etapi sumbangan beliau (Datu Mustapha) yang positif ini diatasi oleh sifat-sifat negatif. Contohnya, beliau gemar berfoya-foya ke luar negara. Ini menyebabkan beliau tidak dapat mengawal pentadbiran dengan lebih berkesan”.²⁴ Hakikatnya, Hairi dan rakan-rakannya gagal mengemukakan bukti-bukti tuntas dan fakta-fakta sahih atau penghujahan mantap untuk menyokong pertuduhan mereka terhadap Datu Mustapha.

Mereka tidak prihatin terhadap sumbangan Datu Mustapha ke atas perubahan politik, kemajuan Sabah, pemartabatan agama Islam dan sebagainya. Sejujurnya, pengkaji-pengkaji berkenaan kelihatan bais terhadap Harris Salleh. Misalnya, tindakan Harris Salleh yang dilihat mengabaikan bumiputera Muslim tidak pula dikritiknya. Dalam konteks ini, sumbangan Datu Mustapha dan Harris Salleh dalam mandala dakwah Islam harus dinilai secara adil, tanpa prejudis dan prasangka.

²² Bagaimanapun, Melda Salbat keliru tentang tempoh masa kejatuhan BERJAYA. Beliau menyatakan kejatuhan BERJAYA adalah pada tahun 1984, sedangkan pada tahun tersebut BERJAYA hanya tewas di daerah Tambunan sahaja. Ini ekoran daripada pemecatan Joseph Pairin Kitingan sebagai ADUN di daerah tersebut. Kejatuhan BERJAYA ialah pada pilihan raya umum negeri Sabah tahun 1985 ekoran daripada kekalahan BERJAYA di tangan Parti Bersatu Sabah (PBS). Untuk rujukan lanjut, lihat *Daily Express*, 23 Mei 1978. *The Star* 22 Jun 1982, & 28 Ogos 1984. *Asean Forecast*, Ogos 1985, hlm. 128. *Daily Express*, 1 Januari 1985, hlm. 1.

²³ Lihat nota kaki 2.

²⁴ Hairi Abdullah (et al.), *Sabah: Perubahan Dan Pembangunan*, hlm. 116-117.

Menerusi tulisan Mohd Yusuf Jalil yang bertajuk, *Sabah: Matinya Parti BERJAYA*,²⁵ beliau mengkritik semula pemikiran politik apologetik²⁶ Yahya Ismail²⁷ lantaran Yahya didakwa berperanan sebagai penulis upahan BERJAYA yang begitu keliru, ujarnya lagi. Yahya turut didakwa memutarbelitkan kebenaran dan bersikap manipulatif.²⁸ Berikutnya, Mohd Yusuf sekadar menyengol isu pempolitan agama antara USNO dan BERJAYA, tanpa menggarap peranan kepolitikan USIA dan MUIS.

Seterusnya, meskipun beliau bukanlah sejarawan, namun tulisannya tidaklah mengecewakan dan sangat layak dihargai. Abdullah Hussain melalui tulisannya, *Tun Mustapha Bapa: Kemerdekaan Sabah*,²⁹ memaparkan kredibiliti Datu Mustapha Datu Harun dalam prakarsa pembangunan dan perkembangan politik Sabah. Beliau menegaskan Datu Mustapha ialah tulang belakang pembangunan dan perkembangan politik, ekonomi dan sosial dewasa itu.

²⁵ Mohd Yusuf Jalil, *Sabah: Matinya Parti Berjaya*, Kuala Lumpur: Polygraphic Sdn. Bhd., 1979.

²⁶ Perkataan “apologetik” adalah pinjaman daripada kata “*apologize*” (memafkan). Oleh itu, apologetik membawa maksud memafkan (membenarkan) segala kesalahan pihak yang disokong (dalam konteks ini adalah parti politik) dan membesar-besarkan kesalahan pihak lawan.

²⁷ Yahya Ismail, *Berjaya Di Tengah-tengah Politik Malaysia*, Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif, 1978.

²⁸ Mohd Yusuf Jalil menyatakan sedemikian ekoran tindakan Yahya mendakwa Syed Kechik bukanlah sebenarnya pilihan Datu Mustapha dan USNO. Yahya yakin Sulaiman Alias (seorang peguam) ialah orang pilihan Datu Mustapha, atas usahanya memulihkan masalah yang berlaku dalam politik Sabah. Yusuf Jalil menolak dakwaan Yahya kerana beliau percaya Syed Kechik merupakan orang pilihan Datu Mustapha. Beliau juga menegaskan peristiwa mengenai Sulaiman Alias berlaku pada penghujung tahun 1964, sedangkan Syed Kechik bertugas di Sabah pada 6 Oktober 1965. Tetapi, tindakan Yahya Ismail ada asas kebenarannya. Yahya bertindak sedemikian kerana tidak bersetuju dengan Bruce Ross-Larson dalam bukunya, *The Politics of Federalism*, begitu mengagung-agungkan peranan Syed Kechik. Malah, beliau menyatakan Syed Kechik ialah tulang belakang Sabah dan Datu Mustapha sedangkan peranan Sulaiman Alias tidak pula dinyatakan. Sulaiman Alias adalah individu yang telah berjaya menyelesaikan krisis antara USNO dan UPKO selepas pilihan raya tahun 1964. Peranannya tidak wajar dikesampingkan. Mengenai kekeliruan Yahya, beliau menyatakan, “*beliau bercita-cita besar, beliau tidak akan menerima jawatan menteri yang kurang penting yang tidak memberikan kedudukan hieraki yang tinggi. Sebagai seorang yang pernah menjadi Yang Dipertua Negeri dan selepas itu menjadi Ketua Menteri dan seorang jutawan pula beliau perlulah diberikan jawatan menteri yang setimpal dengan martabatnya. Jawatan menteri yang diidam-idamkan oleh Tun Mustapha ialah sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia*”. Yahya terburu-buru kerana jawatan menteri pusat sebenarnya ditawarkan oleh Tun Abdul Razak kepada Datu Mustapha dan bukannya kehendak peribadi Datu Mustapha. Lihat *Dewan Masyarakat*, Mac 1994, hlm. 1 dan Mohd Yusuf Jalil, *Sabah: Matinya Parti Berjaya*, hlm. 38-39.

²⁹ Abdullah Hussain, *Tun Datu Mustapha: Bapa Kemerdekaan Sabah*, Kuala Lumpur: MFI, 1976.

Beliau juga menyerlahkan peranan Datu Mustapha dalam gerakan Islamisasinya di Sabah. Begitu juga dengan pergolakan dan konflik politik antara USNO dan BERJAYA. Namun, Abdullah tidak mengupas persaingan politik antara USNO dan BERJAYA, khasnya dari dimensi pempolitikan Islam.

Menerusi kajian Rashid Abdul Harun, “Politik Sabah: Sejarah Perkembangan Politik Melayu-Islam Di Sabah, 1881-1981”,³⁰ beliau memerihalkan perkembangan politik di Sabah, khasnya membabitkan antara persaingan politik USNO dan BERJAYA. Bagaimanapun, konflik yang berlaku antara kedua-dua parti lebih menjurus kepada kuasa pemerintahan. Namun, aspek agama tidak ditonjolkan secara menyeluruh, terutamanya melibatkan persaingan antara USIA dan MUIS. Lantaran itu, pempolitikan Islam jelas terkesamping daripada tujahan kajiannya.

Berdasarkan sorotan yang sederhana tadi, jelas persoalan mengenai pempolitikan Islam di Sabah, lebih-lebih lagi membabitkan persaingan dan pertembungan politik antara USNO dengan BERJAYA dalam tempoh sedekad (1976-1985), mempunyai kepentingan tersendiri untuk diwacanakan, demi mengisi kevakuman ilmiah serta memperkaya korpus wacana sejarah dan politik di Sabah. Pada masa yang sama, kesemua kajian di atas sebenarnya memberikan sumbangan kristalistik terhadap kefahaman mindawi dan pencerahan manusiawi, bertaut dengan proses sejarah dan politik di Sabah, merentasi era gagasan Malaysia (1961-1963) dan zaman nasional³¹ (pasca-1963).

Setiap sejarawan sedar kajian sejarah sangat memerlukan sumber (bahan bukti) sejarah yang autoritatif. Mengenai topik yang berat lagi mencabar ini, koleksi bahan bukti (primer dan sekunder) berkait dengan sejarah dan politik Sabah terhimpun dan tersusun dengan kemas

³⁰ Rashid Abdul Harun, “Politik Sabah: Sejarah Perkembangan Politik Melayu-Islam Di Sabah, 1881-1981”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1989/1990.

³¹ Merujuk kepada zaman kini iaitu zaman selepas pembentukan Persekutuan Malaysia. Zaman nasional atau zaman kemerdekaan berbeza dengan zaman kolonial (penjajahan). Zaman nasional ini dikenali sebagai zaman pascakolonialisme. Mengenai penggunaan istilah “pascakolonialisme” sebagai merujuk kepada zaman nasional atau zaman kemerdekaan, lihat Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya, *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2005.

(sebenarnya ini tidaklah mudah) – seperti (antaranya) dokumen-dokumen rasmi kerajaan, akhbar sezaman dan teks-teks ucapan pemimpin-pemimpin politik, buku, artikel, latihan ilmiah, disertasi sarjana dan doktor falsafah, jurnal dan sebagainya, di Perpustakaan Negeri Sabah, Akrib Negeri Sabah, Muzium Negeri Sabah, Perpustakaan Penyelidikan Tun Fuad Stephens, Yayasan Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka (cawangan Sabah) dan Universiti Malaysia Sabah – namun, sebahagian daripada dokumen ini diklasifikasikan sebagai “sulit” atau “rahsia”. Di samping itu, terdapat beberapa akhbar³² yang dapat memberikan sumbangan penting iaitu *Kinabalu Sabah Times* (memuatkan banyak maklumat mengenai USNO) dan *Kinabalu Sabah Times*. Kedua-dua koleksi akhbar ini tersimpan di Arkib Negeri Sabah, Muzium Negeri Sabah dan di Arkib Negara Malaysia, cawangan Sabah. Penerbitan lidah rasmi BERJAYA (*Daily Express* dan *The Sabah Times*) masih kekal sehinggalah ke hari ini.

Kesimpulan

Disiplin sejarah (sains kemanusiaan) mempunyai tahap kesukaran yang tinggi. Ia tidak terikat dan diikat oleh teori, formula dan hipotesis, berbeza dengan sains fizikal dan sains sosial. Topik yang disentuh ini – pempolitan agama dalam persaingan politik di Sabah – merupakan antara contoh persoalan kesejarahan yang sangat berat dan rumit untuk diujahkan. Kajian sains fizikal terkatup di dalam bangunan makmal. Kajian sains sosial pula terbatas di lapangan sosial; sekali lagi, ini sangat berbeza dengan kajian sejarah: bahan-bahan bukti sejarah berserakan dan berteraburan di serata muka bumi, malah sebahagiannya terbenam dan tertimbus di bawah bumi (arkeologi). Lantaran itulah, kajian sejarah mengambil tempoh masa yang lama untuk disiapkan, prosesnya sangat meruwetkan, merimaskan lagi membingungkan. Dalam proses kajiannya, sejarawan menggali dan menggarap kebenaran secara mandiri, seperti dinyatakan tadi: sejarawan tidak melutut di depan hipotesis, formula dan teori (betapapun demikian, sejarawan tetap menghormati keperluannya dalam bidang sains sosial dan sains fizikal). Namun, dalam segala keperitan yang getir inilah, kerap kali prakarsa ilmiah sejarawan tidak dihargai selayaknya di universiti. Ilmu yang tertua di muka bumi ialah sejarah, tetapi tidaklah mustahil, sejarah menjadi

³² Dalam konteks persaingan politik antara USNO dan BERJAYA, akhbar merupakan antara media massa penting yang sangat berpengaruh dalam meraih sokongan rakyat Sabah. Bagi menjaga dan mengukuhkan parti masing-masing, kedua-dua parti mempunyai lidah rasmi tersendiri. USNO misalnya, mengiktiraf *Kinabalu Sabah Times* sebagai media politik mereka. Manakala, BERJAYA dengan *The Sabah Times* dan *Daily Expressnya*.

ilmu yang paling awal pupus di muka bumi nanti. Betapa tidak, penghargaan yang diberikan terhadap sejarawan, ilmu sejarah dan karya sejarah terlalu menjengkelkan dewasa ini. Siapa yang membunuh sejarah dan sejarawan? Dalam konteks prestasi kerja tahunan di universiti, makalah yang diterbitkan dalam jurnal sejarah diberikan skor yang terlampau rendah. Ini tidaklah senilai dengan penderitaan dan pengorbanan yang dicurahkan sejarawan untuk menyiapkan dan menerbitkan kajian mereka. Sungguh sadis, keldai yang paling bebal terus menguasai kursi keprofesoran dan tampuk kekuasaan di universiti!